



DEMO...Para peserta tekun melihat demonstrasi masakan yang dilakukan oleh pensyarah.

NST 28.3.2018 4

Exco Helwa Kolej Excellent UMS anjur Kelas Memasak

KOTA KINABALU: Seramai 46 pelajar Kolej Kediaman Excellent Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan Program Kelas Memasak 2018 yang diadakan bertempat di Makmal Teknologi Bakeri, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) UMS, disini, baru-baru ini.

Pengarah program, Munirah Amani Azizan berkata, program yang julung kali dianjurkan oleh Exco Helwa Jawatakuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) kolej itu bertujuan meraikan peranan wanita sekali gus mengasah bakat serta memberi pendedahan kepada para peserta dalam bidang masakan.

“Program ini dikendalikan pensyarah berpengalaman dari FSMP, Mohammad Halim Jeenie yang telah mengajar para pelajar teknik menyediakan dan memasak muffin dan brownies.

“Selepas itu kesemua peserta kemudian

diminta untuk menterjemahkan ilmu yang diperoleh dalam pertandingan masakan yang turut diadakan pada hari yang sama bagi mengetahui sejauh mana kefahaman mereka,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, kelmarin.

Menurut Munirah, kesemua pelajar yang hadir sangat seronok dengan pengisian dan mengharapkan agar program-program seumpama itu akan diteruskan pada masa-masa akan datang.

“Sebenarnya masih ramai pelajar yang ingin menyertai program ini tetapi atas kepasiti penyertaan yang agak terhad kita membuka pendaftaran berdasarkan siapa cepat dia dapat,” katanya.

Majlis perasmian program sehari itu disempurnakan, Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Excellent, Mohd Hilmey Saili.-OLEH MARRYAN RAZAN